



**Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor memperbaiki ban yang pecah dan menyebabkan air laut membanjiri kampung di Kampung Tok Muda, Kapar.**

# JPS negeri mula bersih muara sungai

**Georgetown:** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang sudah bersiap sedia bagi menghadapi fenomena air pasang besar luar biasa yang dijangka berlaku pada minggu ketiga bulan depan.

Pengarahnya, Sabri Abdul Mulok, berkata JPS sudah memulakan beberapa gerak kerja, termasuk memperbaiki masalah benteng atau ban di kawasan berkemungkinan berlaku banjir kilat.

Selain itu, katanya, JPS negeri juga sudah mula membersihkan muara sungai serta menyelenggara rumah pam bagi memastikan ia berfungsi sepanjang masa.

“Kita sedia maklum mengenai kemungkinan Pulau Pinang berhadapan fenomena air pasang besar pada bulan hadapan.

“Justeru, kita sudah menggerakkan semua kakitangan kita dan turut menubuhkan Skwad Pemantauan Banjir, yang dianggotai 100 anggota, khusus untuk memastikan kerja kecemasan berjalan lancar,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Di **Kedah**, kerajaan negeri kini sedang berusaha menjayakan pelan jangka pendek termasuk mengusahakan peruntukan bagi pembinaan ban yang semakin terhakis atau rosak akibat fenomena itu bagi mengelakkan risiko banjir buruk.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata, salah satu ban sepanjang enam kilometer (km) yang dikenal pasti rosak adalah di Kuala Muda dengan kos sebanyak RM16 juta diperlukan bagi tujuan itu.

“Kita akan memohon peruntukan dari kerajaan bagi kerja memperbaiki dan menaik taraf ban di Kuala Muda yang terhakis disebabkan ombak besar. Penambahbaikan benteng ini adalah amat penting dan berada dalam keutamaan kerana kita perlu tambak ban nak elak air bah itu masuk ke kampung atau sawah,” katanya kepada *BH*, di sini semalam.

## **Pelaksanaan dua RTB**

Paras air pasang besar di Kedah pada bulan depan dijangka melebihi 3.5 meter. Di Kedah, selain di Kuala Muda, kawasan lain yang dijangka berisiko banjir membabitkan Pendang, Kulim, Bandar Baharu dan Yan.

Badrol Hisham berkata, bagi perancangan jangka panjang pula, pelaksanaan dua rancangan tebatan banjir (RTB) membabitkan Sungai Kedah-Anak Bukit dengan kos RM390 juta serta RM80 juta lagi di Sungai Kerian, Bandar Baharu dijangka mampu menyelesaikan masalah banjir.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Mohd Abu Bakar Othman, pula berkata sebanyak RM500,000 pula diperlukan bagi kerja memperbaiki infrastruktur pantai ialah lapis lindung batu (rock revetment) di Sungai Meriam, Kuala Kedah, dekat sini.

“Kawasan Kuala Kedah ini adalah kawasan pertanian dan jika kerja membaiki pulih infrastruktur ini tidak dibuat ia ditakuti boleh menyebabkan kira-kira 2,390 hektar kawasan pertanian rosak akibat dimasuki air angin jika berlakunya banjir ini,” katanya.